

Saman jika fitnah, kata Rafizi pada Tabung Haji
Malaysian Insider
Feb 29, 2016

Selepas beberapa siri pendedahan skandal berkaitan Lembaga Tabung Haji, Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli hari ini mencabar pihak itu mengambil tindakan undang-undang terhadapnya, sekiranya dakwaan beliau sebelum ini tidak benar.

Beliau bagaimanapun tidak terkejut dengan laporan polis yang dibuat Tabung Haji, kerana badan itu hanya berniat untuk beliau didakwa di bawah akta jenayah dan bukannya undang-undang saman sivil seperti biasa.

"Jika Tabung Haji berpendapat isu yang saya timbulkan adalah fitnah dan menjatuhkan reputasinya, maka pengurusan Tabung Haji sepatutnya mengambil tindakan saman secara sivil di dalam mahkamah," kata naib presiden PKR itu dalam satu kenyataan.

"Saya akan terus mengeluarkan kenyataan yang memberi tumpuan kepada pelaburan Tabung Haji yang merugikan dan isu-isu tatakelola yang lain minggu ini dan minggu depan," katanya yang juga setiausaha agung PKR.

Rafizi turut menggesa Tabung Haji memberi jawapan kepada pendedahan yang dibuatnya sebelum ini, terutamanya dalam isu perjanjian pinjaman antara TH Heavy Engineering Berhad (THHE) dan bank yang belum dimuktamadkan, walaupun jaminan korporat (CG) diluluskan.

"Tabung Haji membuat keputusan membatalkan keputusan awalnya memberikan CG kepada THHE apabila perkara itu bocor kepada orang awam," katanya yang mempersoalkan bagaimanakah TH mahu mendapatkan kembali dana pendeposit yang dilaburkan setakat ini.

Katanya, jika THHE membatalkan CG kerana bimbang dengan kemarahan rakyat, maka THHE berkemungkinan tidak mempunyai cukup dana untuk membayar kontraktor sedia ada dan kerja-kerja akan datang.

"Ini akan membawa kesan kepada kelancaran projek FPSO Layang yang membawa risiko JX Nippon tidak membayar THHE (kerana lewat), seperti mana Murphy Oil dilaporkan tidak membayar THHE sebelum ini.

"Dalam keadaan ini, pelaburan sedia ada Tabung Haji berjumlah RM425 juta akan hangus begitu sahaja (seperti Laporan Risiko Pelaburan)," kata Rafizi.

Tambahnya lagi, jika THHE meneruskan dengan keputusan awal memberikan CG, ini bermakna FPSO Layang berkemungkinan akan disiapkan mengikut jadual yang dipersetujui.

"Bagaimanapun, industri minyak dan gas sedang melalui zaman menguncup dan harga minyak mentah dijangka kekal rendah bagi tempoh 5 hingga 8 tahun akan

datang.

"Dalam keadaan THHE hanya mempunyai projek FPSO Layang sebagai projek terbesarnya, bagaimana THHE akan kekal mencatatkan keuntungan tanpa perlu ada suntikan baru dari Tabung Haji," katanya dalam kenyataan tersebut.

Justeru katanya, kegagalan Tabung Haji memberi jawapan yang mudah dan jelas terhadap isu yang timbul akan melunturkan lagi keyakinan orang ramai terhadap pengurusan Tabung Haji dan pengerusinya Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

"Ini perkara penting yang perlu dijelaskan pengurusan Tabung Haji dan pengerusinya Azeez.

"Sebaliknya, pengurusan Tabung Haji mengambil tindakan kebudak-budakan dan bermain politik dengan membuat laporan polis terhadap saya dengan menuntut saya menamakan bank yang terlibat.

"Orang ramai kebanyakannya faham ada kemungkinan perjanjian pinjaman belum dimuktamadkan atau CG dibatalkan setelah dokumen-dokumen bocor," katanya. – 29 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/saman-jika-fitnah-kata-rafizi-pada-tabung-haji>